

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. TUAN CHUA TIAN CHANG  
@ TIAN CHUA  
KAWASAN : BATU  
TARIKH : 30.10.2014 (KHAMIS)  
NO. SOALAN : 38

YB. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapa pengecualian cukai untuk kereta hibrid yang dipasang di luar Malaysia(CBU) telah diberhentikan. Apakah rancangan dan tindakan kementerian untuk membawa masuk lebih ramai pembuat kereta hibrid ke Malaysia yang akan menyediakan alternatif lebih murah bagi rakyat Malaysia membeli kereta hibrid mesra bumi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pengecualian duti import dan duti eksais telah diberikan ke atas kereta hibrid CBU bagi tempoh 30 Ogos 2008 sehingga 31 Disember 2013. Pengecualian cukai ini adalah bagi tempoh sementara sahaja untuk menggalakkan syarikat-syarikat pengeluar kenderaan memasang kereta hibrid di dalam negara yang mana dapat memberi kesan positif bagi pembangunan ekonomi negara.

Ini adalah selaras dengan strategi utama di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014, iaitu untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pengeluaran serantau bagi kenderaan bertenaga efisien (*Energy Efficient Vehicle* - EEV) menjelang tahun 2020. Kenderaan hibrid adalah tergolong dalam kategori EEV.